

# PM ajak rakyat kuasai ilmu hadapi revolusi IT

UM 2 1 JUL 2001

KOTA BHARU 20 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengajak rakyat menguasai ilmu pengetahuan agar tidak terlepas menikmati zaman revolusi teknologi maklumat (IT).

Perdana Menteri berkata, penguasaan ilmu pengetahuan yang mencukupi perlu sekiranya mahu menikmati revolusi tersebut kerana tanpanya usaha ke arah itu mungkin menjadi sia-sia.

Katanya, kebolehan negara khususnya dalam sektor pendidikan pada ketika ini telah membuka peluang yang sangat luas kepada rakyat untuk mengejar manfaat daripada zaman revolusi IT ini.

“Kita (kerajaan) tidak rela untuk membiarkan revolusi itu berlalu tanpa penyertaan kita, seperti kita terlepas peluang menikmati zaman revolusi industri 200 tahun lalu,” katanya.

Beliau berucap demikian semasa melancarkan Program Celik IT 2001 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kubang Kerian 2, di sini sempena lawatan sehari beliau ke Kelantan hari ini.

Turut hadir di majlis itu

ialah Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed dan Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd. Khir

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut melancarkan teknologi Internet jalur lebar tanpa wayar bagi pembelajaran untuk sekolah itu.

Dalam ucapannya lagi, Perdana Menteri berkata, kira-kira 200 tahun lalu rakyat di negara ini tidak berpeluang menikmati revolusi industri itu yang hanya dinikmati oleh orang Eropah sahaja.

Katanya, dunia di luar ketika itu tidak memainkan peranan lagi termasuk Malaysia yang masih dijajah dan menyebabkan selepas itu rakyat negara ini hanya menjadi masyarakat pengguna sahaja.

“Dengan itu kita jadi bangsa kecil dan bergantung kepada orang lain. Bila kita jadi kecil, miskin, tidak cekap, orang akan menguasai kita...dengan kata lain kita dijajah oleh orang asing khususnya orang-orang Eropah,” tegasnya.

Menurut Perdana Menteri, pada hari ini keadaan sudah berbeza kerana rakyat boleh membuat pilihan sama ada mahu terlibat dalam revolusi IT atau terus menjadi bangsa yang mundur dan miskin yang sentiasa dikuasai dan dijajah oleh orang asing.

“Di waktu revolusi IT ini kita berada di zaman yang cukup kritikal kerana zaman ini amat penting untuk kita mengejar ilmu dan inilah peluangnya bagi mencapai sesuatu yang dahulu tidak mungkin kita capai semasa revolusi industri dulu.

“Dulu kita dijajah dan tidak ada itu (revolusi industri) tetapi sekarang semuanya ada. Kerajaan dan badan korporat belanja duit yang banyak untuk memberi peluang kepada kita.

“Justeru janganlah merugikan masa depan kaum bangsa kita dengan tidak menolong mengembangkan ilmu pengetahuan yang penting bagi kesejahteraan dan kekuatan bangsa kita,” ujarnya.